

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Di dalam perjalanan ke seluruh Tanah Melayu baharu-baharu ini, penulis sempat memerhatikan suatu perkara yang mustahak diperhatikan oleh pentadbiran sekolah-sekolah agama di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. Perkara itu ialah mengenai tudung-tudung murid-murid sekolah agama perempuan di seluruh Tanah Melayu.

Hal yang demikian inilah menimbulkan cuai dan lemah semangat. Orang kita baharu sedikit sahaja mendapat halangan maka ia terus sahaja patah hati, tidak mau terus memperjuangkan usahanya menghadapi halangan-halangan itu. Halangan-halangan itu adalah menjadi pematah kepada usahanya – tidak halangan-halangan itu dibuat sebagai menambah ketabahan hati meneruskan perjuangannya.

Inilah saudara-saudara anggota Ikhwan perkara-perkara yang melemahkan kehidupan dan usaha bangsa kita. Agama menegah hidup cara ini. Di dalam berusaha, agama Islam menyuruh kita seakan-akan kita hidup selama-lamanya di dunia ini, yang ertinya menyuruh kita terus berusaha, siang dan malam serta menyimpan faedah daripada usaha kita, membelanjakannya kepada jalan yang direday Tuhan – tidak dengan ada wang kita lupa daratan, lupa kewajipan dan lupa tanggungjawab kepada perkara-perkara yang diwajibkan kita menyelenggarakannya. Kita kurang bertawakal kepada Tuhan di dalam meneruskan usaha kita. Berusalah saudara-saudara di dalam apa-apa usaha pun sambil kita berserah bertawakal kepada Tuhan tentang apa yang kita dapati daripada usaha kita yang baik itu.

Sekali pandang, maka sebenarnya langkah yang diambil oleh pentadbiran sekolah-sekolah agama menyuruh murid-murid perempuan memakai kain tudung secara Islam itu sebenarnya patut dipuji dan dimegahkan tetapi dengan malangnya maka lain dihajat lain terjadi. Kalau sepatutnya tudung itu membiasakan murid-murid supaya bertudung jangan mengeluarkan rambut barang sehelai pun maka tudung yang dipakai oleh hampir-hampir semua murid-murid perempuan di sekolah-sekolah agama itu tidak lagi seperti yang dikehendaki tetapi sudah jadi perhiasan belaka. Tudung kepala itu tidak lagi menutupi rambut tetapi sudah berdiri di tengah-tengah rambut – dan jambul-jambul rambut tertinggal di hadapan.

Perkara ini, perkara disiplin ini, mustahak dan patut benar diperhatikan oleh seluruh jabatan agama yang mentadbir sekolah-sekolah itu supaya diadakan peraturan yang keras dalam membiasakan ini. Mudah-mudahan hal ini diperhatikan terutamanya oleh guru-guru agama sendiri.

* * *

Hanya 16 orang sahaja yang mendaftarkan dirinya tidak ada kerja di Brunei, kata suatu berita pada pertengahan bulan Oktober yang lalu. Tetapi kalau ditanya di Singapura tentunya kita tahu Tuan Lim Yew Hock sedang menarik nafas panjang dalam hal ini terutamanya pula orang-orang yang tidak kerja mau bantuan besar lagi daripada *Social Welfare* dengan tidak ada kerja. Kalau bantuan termasuk yang mengadakan perusahaan-perusahaan kecil setengah mati – dibesarkan cukai tentunya naik dan yang terkena orang ramai akhirnya mereka buang orang kerana tak boleh tahan dan

kesudahannya orang yang tidak kerja semakin ramai dan semakin memusingkan kepala. Hal ini patut diperhatikan oleh Tuan Lim apakah undang-undang yang sekarang diteruskan atau lebih baik dikendurkan supaya peluang-peluang kerja banyak terbuka.

* * *

Dato' Onn sesudah meminta Haji Hassan berbahas dan Haji Hassan menolak terus pula mencabar A. Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman berbahas mengenai perlembagaan yang dipandang Onn sebagai menghapuskan hak-hak Melayu. Sebenarnya perbahasan ini perlu bagi orang Melayu supaya mereka mengetahui di mana kedudukannya pada masa yang akan datang. Oleh itu, menurut pandangan sebahagian orang, molek benar orang-orang Perikatan menerima cabaran Onn, kalau tidak kelak tentunya orang ramai Melayu tahu atau menyangka sebenarnya perlembagaan itu merosakkan hak-hak dan muslihat-muslihat orang Melayu.

* * *

Warta Jabatan Agama Johor, yang telah mengiklankan kandungan mengenai Kaum Muda dan Kaum Tua di dalam Harian Melayu di Persekutuan mengenai rencana Dato' Mufti Kerajaan Johor, *Şâhib al-Faḍīlah* Syed Yusuf al-Zawawi Tahir al-Hadad, dalam dua keluarannya yang pertama dan kedua, tidak lain daripada menuduh musuh-musuhnya seperti Hassan Bandung sebagai Qadiyani dan mengupas kitab-kitab karangannya dengan teliti satu persatu lalu mendatangkan tuduhan. Daripada rencana itu, sebahagian orang memandang, bahawa rencana itu ditulis hanya untuk memuaskan hati pengarang sahaja. Kalau sebenarnya ia orang yang ikhlas maka kalau mendapati kesalahan seseorang bukannya membidas di majalah tetapi menulis kepada pengarangnya memberi ingatan terlebih dahulu supaya tidak berkepanjangan kesalahan itu, kalau ada. Kalau hanya mengata dan menuduh sahaja, jika

tidak benar tuduhannya kelak maka terpulang tuduhan itu kepada penulisnya sendiri, kata mereka.

Tetapi ada pula yang memandang, mencacat memang mudah tetapi membuat memang payah kerana itu orang ini suka hendak tahu selama beliau (Mufti Johor) di Indonesia dan Malaya manakah kitab-kitab karangan beliau yang memimpin umat untuk mengetahui selok belok agama daripada jasa-jasa Mufti yang berupa kitab-kitab yang membina?

* * *

Kerajaan Terengganu patut mendapat gelaran "pelopor penghapus bid'ah" di Tanah Melayu kerana kerajaan Terengganu dengan rasmi telah mengharamkan bersemah dan berSafar hingga cuti Safar dibatalkan serta membidas pula hal-hal mengenai bid'ahnya berkenduri kendara, tahlil itu. Kalau Terengganu menjadi pelopornya maka jasa itu adalah dipulangkan kepada muftinya, *Şâhib al-Faḍīlah* Syed Yusuf al-Zawawi dan Menteri Besarnya Dato' Haji Kamaruddin di dalam mana mereka itu daripada orang-orang yang tidak termasuk kepada golongan "mereka itu hanya berkata tetapi tidak berbuat" seperti yang terjadi kepada kebanyakkan Mufti-Mufti yang lain! Syabas! Terengganu.

* * *

A.Darus Syarif, Pegawai Penerangan Umno Singapura dalam keterangannya kepada akhbar mengenai rancangan menuntut diadakan Sultan di Singapura menyatakan: "Anggota-anggota Jawatankuasa Pusat Umno Negeri yang tidak patuh atau melanggar keputusan itu boleh diambil tindakan disiplin sehingga boleh dipecat."

Orang bertanya kalau main-main pecat sahaja dan mengeraskan keputusan itu dengan tidak memikirkan buruk baiknya adakah yang demikian itu sebagai langkah diktator atau bagaimana? Pertanyaan ini lebih tepat kalau Darus Syarif yang menjawabnya.

“Berita Minggu”, akhbar mingguan Indonesia
penyokong Sukarno dalam keluarannya 28 September 1958

telah mengatakan bahawa majalah “Qalam Trompet D.I.
(Darul Islam) memfitnah Republik Indonesia.” Ia
mengatakan pengarang yang disebutnya dengan nama Syeikh Ali
al-‘Idrus adalah dahulunya di Sumatera dan bekerja dengan
Belanda kemudian kerana dosa-dosanya kepada Indonesia telah
melarikan diri ke Singapura dan sekarang menjadi
propagandis Darul Islam dan Tentera Islam
Indonesia. Demikian katanya.

Di Indonesia sekarang suratkhabar-suratkhabar yang ada ialah
suratkhabar-suratkhabar pengampu Sukarno dan terus bohong
kepada rakyat dan membuat cerita-cerita bohong. ‘Idrus
pengarang Qalam tidak pernah tinggal di Sumatera, ia hanya
pernah memijak Medan pada tahun 1953 itu hanya selama
seminggu. Ia berasal dari Kalimantan dan telah
tinggal di Singapura semenjak dari tahun 1929-
tidak ke mana-mana. Apakah ini salah satu contoh bohong
suratkhabar-suratkhabar Indonesia? Ya, Bung kita kenal sifat-sifat
pengarang-pengarang Indonesia.

* * *

“Berita Minggu” mengatakan bahawa Qalam keluaran Julai
yang membuat surat seorang bernama Zainuddin yang
disebutnya memburukkan pemerintahan Sukarno dan
angkatan perang adalah seperti berita busuk. Surat
Zainuddin yang tersebut tidak disebut nama kotanya dan
alamat jalannya. Apakah “Berita Minggu” mau mendapat upahan
supaya orang yang membuat surat itu ditangkap dan diseksa
oleh tentera seperti yang dibuatnya di mana-mana sekarang? Sungguh
bodoh – nama dan tempat atau alamat orang itu menurut
pengertian wartawan di Malaya ialah satu rahsia pengarang –
seseorang pengarang biar terpenjara tidak akan mau

mengeluarkan nama orang itu sebab di situ letaknya
kehormatannya. Tau apa tidak Bung!

* * *

Surat Zainuddin itu sebenarnya kita terima
bukannya di pos dari Medan tetapi dipos di Padang
Terbang Singapura, sebabnya tau sama tau sebab semua
surat sensor!

Ertinya di Indonesia kebebasan bercakap dan
berfikir sudah tidak ada lagi. Berpuluhan-puluhan suratkhabar
ditutup; wartawan-wartawan yang berani ditahan – dan tinggallah
wartawan-wartawan seperti wartawan-wartawan “Berita Minggu” yang tinggal
yang boleh hidup untuk mengampu Sukarno! Apa lain
daripada itu Bung? Apakah “Berita Minggu” cuba menutup
apa yang terjadi terhadap kepada umat Islam di Sumatera
terutamanya di Aceh, di Sulawesi dan lain-lainnya yang telah menerima
penganiayaan daripada tentera Sukarno?

* * *

“Akan engkau maki-maki lagi Muhammad?
Aku telah beragama dengan agama Muhammad dan akan
aku ucapkan apa yang diucapkan Muhammad. Kalau
engkau berani cuba balas pukulanku”- Ini
ialah perkataan Hamzah bin Abdul Muttalib ketika
memukul Abu Jahal.

Hamzah

Pahlawan Islam yang gagah, ayah saudara
Nabi! Sejarahnya ini disebut di dalam buku
syuhada Islam 1 dengan nama:

Singa Allah

Hamzah bin Abdul Muttalib

Ceritanya bersemangat dan membawa
semangat. Lihat sejarah keberaniannya. Senashkah
hanya 50 sen pos 10 sen.